

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DR AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah besar kesemua dana negara yang telah dibelanjakan dalam menangani pandemik COVID-19. Minta diberikan butiran kasar perbelanjaan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat 30 September 2020, Kerajaan telah menyediakan pelbagai peruntukan bagi perbelanjaan yang berkait dengan COVID-19. Dana yang disediakan setakat ini adalah di bawah Kumpulan Wang COVID-19 adalah seperti berikut:-

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KEMENTERIAN / AGENSI</b>	<b>JUMLAH (RM JUTA)</b>
1.	Peruntukan bagi perbelanjaan berkaitan COVID-19	Kementerian Kesihatan	1,000
2.	Bantuan Perbelanjaan berkaitan COVID-19	Agensi Pengurusan Bencana Negara	150
3.	Bantuan repatriasi dan konsular kepada rakyat Malaysia yang terkandas di luar negara	Kementerian Luar Negeri	25
4.	Sanitasi Awam di Zon Merah dan Pusat Kuarantin	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	30
5.	Elaun Khas COVID-19 – Petugas Barisan Hadapan	Pelbagai Kementerian	600
<b>JUMLAH BESAR</b>			<b>1,805</b>

Sekian, terima kasih.